

2

setempat

13-09-2016

>> Toksin **Charlie** menyebabkan konjunktivitis dan penyakit kulit teruk iaitu 'dermatitis linearis'


HARIAN METRO



SYARA Eryyna mengalami luka melepuh seperti terkena percikan api.



LUKA pada bahagian buku lali Syara.



LUKA pada paha Syara.

# Semut kayap **makan** kulit

■ Kaki kiri kanak-kanak perempuan luka teruk akibat terkena toksin kumbang 'Charlie'

**Kuala Lumpur**

“Pada mulanya kami menyangkakan Syara terkena penyakit kayap sehingga doktor mengesahkan ia akibat gigitan serangga dikenali sebagai Charlie,” kata Fara Fauzan Ahmad Ramizun, 27, ibu kepada Syara Eryyna Mohd Syafiq, 3, ketika dihubungi, semalam.

Kanak-kanak itu mengalami luka melepuh seperti terkena percikan api dan luka teruk di kaki kiri akibat terkena toksin serangga berkenaan.

Charlie atau nama saintifiknya kumbang Rove mempunyai toksin yang boleh menyebabkan konjunktivitis dan penyakit kulit teruk iaitu ‘dermatitis linearis’, malah boleh mengancam nyawa jika mengalami alahan teruk.

Serangga itu yang lebih dikenali sebagai semut kayap mengandungi toksin paling berbisa di dunia, Pederin dan tahap keracunan tinggi biarpun selepas dikeringkan dan disimpan selama lapan tahun.

Fara Fauzan berkata, belakang lutut anak sulungnya mula timbul merah seperti ruam pada 25 Ogos lalu sebelum keesokkannya menjadi makin merah dan meng-

gelembung. “Kami kemudian membawa Syara ke klinik pakar kanak-kanak dan diberikan krim untuk sapu tetapi malangnya luka semakin merebak dan menjadi besar seperti gelembung air.

“Syara sudah mula tidak mahu berjalan dan duduk kerana kesakitan se-

*Harian Metro*

*13/9/16*

*mls 2*



belum kami membawanya terus ke hospital berham-piran dan diberikan krim serta ubat tahan sakit,” katanya.

Menurutnya, luka anaknya makin teruk dan Syara meminta supaya tidak menyentuh lukanya lagi untuk di-

sapu ubat berikutan sangat sakit.

“Kami membawanya ke hospital sekali lagi dan doktor mencadangkan untuk Syara dimasukkan ke wad kerana keadaan lukanya semakin teruk.

“Doktor mengesahkan luka itu akibat terkena toksin Charlie dan bukan kayap seperti yang kami duga, malah sehingga kini kami akan berulang-alik ke hospital setiap hari untuk membersihkan luka Syara,” katanya.

Menurutnya, mereka baru berpindah ke Seberang Jaya, Pulau Pinang, enam

bulan lalu atas urusan perniagaan.

“Bagaimanapun, kedia-man yang kami duduki ini terlalu banyak Charlie yang keluar dari habitat asalnya iaitu sawah padi ke tempat tinggi dan lembab.

“Selepas berbincang, kemungkinan kami akan berpindah semula ke Shah Alam, Selangor demi anak-anak.

“Saya tidak pasti bagaimana Syara terkena gigitan Charlie, tetapi di dinding kediaman kami banyak serangga itu menyebabkan kami bimbang setiap kali keluar rumah dan memastikan pintu serta tingkap sentiasa ditutup,” katanya.